

13/06/2002

Pakistan harap Dr Mahathir pengaruhi India

Wan Hazmir Bakar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA, Rabu - Pakistan berharap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempengaruhi India supaya berusaha menyelesaikan pertelingkahan berhubung isu Kashmir dengan mengendurkan ketegangan dan mengelakkan peperangan.

Harapan Islamabad itu disampaikan Utusan Khas kepada Presiden Pervez Musharraf, Najmuddin A Shaikh, dalam pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini hari ini.

Bercakap kepada pemberita, Abdullah berkata Pakistan berharap Malaysia, terutama Dr Mahathir, memahami kedudukan dan pendirian negara itu berhubung konfliknya dengan India.

"Mereka berharap Dr Mahathir dapat berbicara dengan pemimpin India... mereka berharap pemimpin seperti Dr Mahathir akan menggesa supaya ketegangan kedua-dua negara itu dikendurkan.

Semalam, Musharraf menyifatkan tindakan India bagi mengendurkan ketegangan dua kuasa nuklear itu masih belum memadai dan mahu negara itu mengambil langkah yang lebih wajar.

Beliau berkata usaha New Delhi setakat ini 'sekadar permulaan kecil' sedangkan krisis itu memerlukan langkah lebih ketara bagi menanganinya.

Pemimpin Pakistan itu merujuk keputusan India membuka semula ruang udaranya kepada penerbangan Pakistan selepas enam bulan menguatkuasakan larangan itu serta mengundurkan kapal perangnya dari perairan di pantai barat Pakistan.

India dan Pakistan mengerahkan lebih sejuta tentera ke sempadan kedua-dua negara berikutan serangan terhadap Parlimen India Disember lalu. New Delhi menuduh kumpulan militan Kashmir yang disokong Pakistan bertanggungjawab terhadap serangan itu.

Abdullah berkata, Najmuddin yang membawa mesej khas Musharraf kepada Dr Mahathir, menyatakan bahawa Pakistan memang mahu mengendurkan ketegangan dengan India dan mengundurkan pasukan tentera di sempadan.

Beliau berkata, Pakistan juga menyatakan kesediaan untuk mengadakan rundingan dua hala dengan India serta menerima pihak ketiga yang dipersetujui bersama untuk merundingkan penyelesaian jika kedua-dua negara gagal mencapai sebarang hasil.

"Itu adalah tiga perkara yang menjadi pendirian Pakistan. Pada masa sama, Pakistan juga menyatakan ia tidak akan memulakan peperangan," katanya.

Ditanya apakah Pakistan mahu Malaysia menjadi pihak ketiga yang akan merundingkan penyelesaian konfliknya dengan India, Abdullah berkata:

"Dia tak kata dia mahu kita jadi pihak ketiga, cuma dia menjelaskan jika masalah di antara kedua negara itu tidak dapat diselesaikan, maka sebaik-baiknya carilah pihak ketiga untuk selesaikan," katanya.

Mengenai pendirian Malaysia dalam krisis itu, Abdullah berkata Malaysia mahu ia diselesaikan secara aman menerusi rundingan bagi mengelak kesan buruk kepada ekonomi negara rantau ini.

Sementara itu, Najmuddin dalam sidang akhbar bersama Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Pakistan sedia menerima Malaysia sebagai pengantara damai dalam dialognya dengan India.

"Malaysia mempunyai hubungan erat dengan Pakistan dan India," katanya yang sebelum itu turut menemui Syed Hamid.

Najmuddin berkata, Pakistan dan India pernah mencapai persetujuan pada 1972 bagi merundingkan konflik berkaitan Kashmir membabitkan dua negara

itu saja.

"Persetujuan ini dibuat pada 1972, tetapi kita kini berada dalam tahun 2002. Kita mempunyai rundingan dengan India tetapi sehingga kini tidak ada sebarang perkembangan terbaru," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, negaranya yakin bahawa pihak ketiga antara Pakistan dan India dapat membantu menyelesaikan konflik dan peperangan, yang hanya boleh memberi kesan kepada rantau ini.

Syed Hamid yang ditanya mengenai kesanggupan Pakistan menerima Malaysia sebagai pihak ketiga pula berkata:

"Perkara ini tidak timbul lagi kerana situasi sekarang tidak sampai ke tahap itu. Bila perkara ini timbul, baru saya akan cakap pada masa yang sesuai."

Ditanya sama ada perkara itu akan dibawa pada mesyuarat Kabinet, Syed Hamid berkata, Pakistan tidak pernah menyatakan secara rasmi mengenai penerimaannya menjadikan Malaysia sebagai pihak ketiga.

Beliau berkata, kunjungan Najmuddin bertujuan menjelaskan perkembangan terkini mengenai konflik kedua-dua negara.

"Banyak negara lain yang sedang memainkan peranan sebagai pihak ketiga dan Malaysia memberi dokongan kepada mereka," katanya sambil menambah bahawa Malaysia juga dijemput menjadi sebahagian kumpulan negara Komenwel yang akan membuat lawatan ke Pakistan dan India.

Lawatan berkenaan adalah bagi mendengar taklimat mengenai kedudukan terkini konflik kedua-dua negara itu.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid mengulangi kesediaan Malaysia membiayai dan menyediakan kemudahan berhubung penubuhan Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur.

Semalam, Setiausaha Agung Asean, Rodolfo C Severino Jr, berkata cadangan Malaysia berhubung penubuhan Asean+3 di sini tidak menerima bantahan mana-mana anggota Asean lain, sekali gus menceraikan usaha pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

(END)